



SULIT
1249/2

Sejarah
Kertas 1
September
2010
1 jam

MAKTAB RENDAH SAINS MARA

PEPERIKSAAN PERCUBAAN SIJIL PELAJARAN MALAYSIA 2010

SEJARAH

Kertas 1

Satu jam

1
2
4
9

1

JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

1. *Kertas soalan ini mengandungi 40 soalan*
2. *Jawab semua soalan*
3. *Tiap-tiap soalan diikuti oleh empat pilihan jawapan, iaitu A , B , C dan D. Bagi setiap soalan, pilih satu jawapan sahaja. Hitamkan jawapan anda pada kertas jawapan objektif yang disediakan.*
4. *Jika anda hendak menukar jawapan, padamkan tanda yang telah dibuat. Kemudian hitamkan jawapan yang baru*

Kertas soalan ini mengandungi 20 halaman bercetak

[Lihat halaman sebelah
SULIT

1 Apakah sumbangan sungai kepada peradaban awal manusia?

- A Pusat kebudayaan
- B Pelabuhan entrepot
- C Pusat tamadun awal
- D Penubuhan bandar terancang

2 Apakah sumbangan tokoh berikut kepada Tamadun Mesir Purba?

Imhotep

- A Membina piramid
- B Memumiakan mayat
- C Mencipta sistem tulisan
- D Membina sistem pengairan

3 Jadual berikut berkaitan dengan sistem pemerintahan di Rom.

| | |
|---------|-----------------|
| 753 S.M | Sistem Beraja |
| 509 S.M | Sistem Republik |

Golongan manakah yang mengubah sistem tersebut?

- A Konsul
- B Etruscan
- C Patrician
- D Aristokrat

4 Apakah persamaan peranan kedua-dua agensi kerajaan tersebut?

| Sistem Pentadbiran | Negara |
|-------------------------------|---------------|
| Hon Kou Tsu | China |
| Suruhanjaya Perkhidmatan Awam | Malaysia |


- A Melatih pekerja mahir
- B Melantik pegawai kerajaan
- C Membayar gaji pegawai kerajaan
- D Mengendalikan peperiksaan awam

5 Apakah faktor yang menyebabkan perdagangan antara Asia Tenggara dengan India semakin berkembang selepas abad ke - 5 S.M?

- A Perluasan kuasa
- B Penyebaran agama
- C Hubungan diplomatik
- D Keperluan logam emas

[Lihat halaman sebelah

- 6** Gambar menunjukkan tinggalan perahu layar yang merupakan warisan masyarakat Asia Tenggara.



Apakah nilai yang boleh dicontohi oleh generasi hari ini?

- A Jujur
 - B Berani
 - C Waspada
 - D Toleransi
- 7** Apakah faktor Empangan Maarib tersebut pecah?

Carta Masa : Jangka Masa Zaman Jahiliyah.

| ZAMAN JAHILIAH | | | |
|----------------|--------------------------|--------------------------------|--|
| Tarikh | 300 M. | 570 M. | 610 M. |
| Peristiwa | Pecahnya Empangan Maarib | Kelahiran Nabi Muhammad S.a.w. | Turun wahyu kepada Nabi Muhammad s.a.w. dan bermulalah zaman Islam |

- A Tidak diselenggarakan
- B Dimusnahkan oleh musuh
- C Kualiti binaan yang rendah
- D Penggunaan yang berlebihan

8 Dialog berikut berlaku pada Zaman Jahiliah.

| |
|--|
| Umar : Ali memenuhi semua syarat menjadi Syeikh |
| Daud : Kalau begitu kita lantik beliau menjadi Syeikh. |

Apakah syarat kelayakan tersebut ?

- I. Kaya
 - II. Paling tua
 - III. Pandai berpidato
 - IV. Berfikiran matang
- A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV


[Lihat halaman sebelah

9 Mengapakah kedatangan mereka tidak dianggap sebagai hijrah?



- A Kehadiran mereka tidak diundang
- B Fahaman ideologi yang berlainan
- C Menggugat ekonomi rakyat tempatan
- D Mereka terdiri daripada orang yang bersalah

10 Mengapakah Baiah al-Ridwan tersebut dilakukan ?



- A Larangan menunaikan haji dan umrah
- B Membela kematian Uthman bin Affan
- C Kegagalan Arab Quraisy menunaikan janji
- D Mempertahankan keselamatan Nabi Muhammad s.a.w

- 11** Maklumat berikut berkaitan tindakan pemerintah untuk penambahbaikan bidang pentadbiran.

| | |
|--|------------------------------|
| Pentadbiran Khalifah Umar al-Khattab | Kerajaan Malaysia |
| Memberikan gaji yang tinggi kepada hakim | Menaikkan gaji anggota polis |

Mengapakah tindakan tersebut dilakukan ?

- A Mengiktiraf sumbangan
 - B Menonjolkan kehebatan
 - C Menarik minat masyarakat
 - D Mengelakkan penyelewengan
- 12** Apakah sumbangan tokoh berikut semasa pemerintahan Khalifah Abu Bakar al-Siddiq?

Zaid bin Thabit

- A Menjadi amir di Yaman
 - B Memerangi golongan al-Riddah
 - C Mengetuai tentera menentang Parsi
 - D Menghimpunkan tulisan ayat al-Quran
- 13** Mengapakah sebahagian pedagang Islam dilantik menjadi Syahbandar di bandar pelabuhan Asia Tenggara?
- A Jujur dan amanah
 - B Memilikikekayaan
 - C Fasih berbahasa Melayu
 - D Cekap dalam pentadbiran

[Lihat halaman sebelah

14 Apakah maklumat yang tercatat pada batu bersurat tersebut?



Batu Bersurat Terengganu.

- I Peraturan perdagangan
- II Tanggungjawab pemerintah
- III Hukuman terhadap penzina
- IV Undang-Undang kekeluargaan
- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

15 Apakah kaedah berkesan yang digunakan oleh ibu bapa untuk menerapkan nilai murni kepada anak-anak mereka?

- A Leteran
- B Bercerita
- C Berjenaka
- D Hukuman

16 Senibina masjid berikut menerima pengaruh



- A Arab
 - B India
 - C China
 - D Pasai
- 17** Sistem feudal yang diamalkan di Eropah mempunyai persamaan dengan sistem feudal di negara kita pada suatu masa dahulu .
Apakah persamaan tersebut ?
- A Rakyat memiliki tanah sendiri
 - B Hamba memiliki mobiliti sosial
 - C Pembesar mendapat naungan istana
 - D Tuan tanah bebas daripada membayar cukai

[Lihat halaman sebelah

- 18** Maklumat berikut berkaitan dengan perkembangan Revolusi Perindustrian di Britain pada awal abad ke-19

- Akta Lombong
- Akta Sepuluh Jam

Apakah kepentingan akta tersebut?

- A Meluaskan pasaran
B Meningkatkan produktiviti
C Menjaga kebijakan pekerja
D Melindungi kepentingan perusahaan
- 19** Mengapakah usaha British menggalakkan orang Melayu menanam padi kurang mendapat sambutan?
- A Tanaman getah lebih menguntungkan
B Tiada kemudahan yang disediakan
C Harga beras tempatan yang rendah
D Kekurangan tanah yang sesuai

- 20** Jadual tersebut menunjukkan bilangan sekolah vernakular di Tanah Melayu awal abad ke-20.

| Aliran | Melayu | Inggeris | Cina | Tamil |
|----------------|--------|----------|-------|-------|
| Sekolah | 788 | 271 | 996 | 607 |
| Pelajar | 56904 | 41917 | 86147 | 26271 |

Mengapakah wujud sekolah pelbagai aliran di Tanah Melayu ?

- A Kemasukan golongan imigran
 - B Peranan golongan mubaligh
 - C Kurang bantuan dari kerajaan
 - D Ketiadaan bantuan daripada kerajaan
- 21** Maklumat berikut telah mencetuskan gerakan nasionalisme tahap kedua di Burma?

Laporan Montagu - Chelsford

Apakah kandungan laporan tersebut ?

- A Parti politik diharamkan
- B Sistem beraja dihapuskan
- C Belum mampu memerintah sendiri
- D Kuasa golongan agama dikurangkan

[Lihat halaman sebelah

- 22** Peristiwa berikut telah membantu mencetuskan gerakan nasionalisme di Asia Tenggara.

| Tahun | Peristiwa |
|-------|-------------------------|
| 1895 | Jepun mengalahkan China |
| 1905 | Jepun mengalahkan Rusia |

Apakah pengajaran peristiwa tersebut kepada penduduk di Asia Tenggara ?

- A Jepun adalah sebuah negara yang kuat
 - B Semangat yang tinggi menjamin kejayaan
 - C Negara Asia lebih hebat daripada negara Barat
 - D Negara kecil mampu mengalahkan negara besar
- 23** Pernyataan berikut menerangkan tentang dasar pemerintahan *Union Indochinoise* di IndoChina.

Pentadbiran kerajaan tempatan tidak dicampuri oleh kerajaan pusat dengan syarat tertentu.

Apakah syarat tersebut ?

- A Menjaga keamanan
- B Menyokong kerajaan
- C Menyediakan kerahan tenaga
- D Mengamalkan undang-undang Barat

24 Senarai berikut adalah pembesar tempatan di Negeri Sembilan.

- Dato' Kelana Sungai Ujong
- Dato' Syahbandar Abdullah Tunggal

Apakah punca perbalahan antara mereka ?

- A Menguasai kawasan saliran
 - B Merebut hak memungut cukai
 - C Merebut jawatan sebagai Undang
 - D Menguasai kawasan perlombongan
- 25** Pernyataan berikut adalah berkaitan dengan sistem pendidikan penjajah di Tanah Melayu pada akhir abad ke-19.

- Sistem pendidikan Inggeris
- Sekolah vernakular Melayu

Apakah sumbangan sistem pendidikan terhadap kebangkitan nasionalisme di Tanah Melayu ?

- A Melahirkan golongan pemimpin tempatan
- B Meningkatkan penerbitan akhbar dan majalah
- C Meningkatkan golongan yang boleh membaca
- D Menambahkan bilangan orang Melayu bersekolah

[Lihat halaman sebelah

- 26** Jadual berikut merujuk kepada perjuangan nasionalisme oleh persatuan-persatuan Melayu.

| Tarikh | Peristiwa |
|---------------|------------------------|
| 1939 | Kongres Melayu Pertama |
| 1940 | Kongres Melayu Kedua |

Apakah perkara yang dibincangkan dalam kongres tersebut ?

- A Kemerdekaan Tanah Melayu
B Kerjasama dengan British
C Kemunduran orang Melayu
D Kemasukan golongan imigran
- 27** Bagaimakah sempadan sesebuah kerajaan Melayu tradisional ditentukan?
- A Keselamatan kepada rakyat
B Kesediaan rakyat membayar cukai
C Kerelaan rakyat melakukan kerahan
D Kesetiaan rakyat terhadap pemerintah

- 28** Senarai berikut menunjukkan antara negara baru yang muncul di Eropah selepas Perang Dunia Pertama.

- Finland
- Estonia
- Latvia

Apakah peristiwa tersebut?

- A Perjanjian Damai Paris
B Perjanjian Versailles
C Penyatuan Etnik Prusia
D Persekutuan Yugoslavia
- 29** Mengapakah segolongan Pegawai Tadbir Melayu menyokong Malayan Union?
- A Menolak sistem politik feudal
B Mempercayai kemampuan British
C Menjaga kepentingan orang Melayu
D Menyokong pembentukan Melayu Raya

[Lihat halaman sebelah

30 Peristiwa berikut berlaku di Sarawak pada tahun 1949.

Rosli Dhobi dan tiga rakannya yang terlibat dalam gerakan penentangan telah dihukum gantung sampai mati.

Mengapakah penentangan tersebut gagal?

- A Tindakan tegas daripada British.
- B Pemimpin Sarawak tidak bersatu
- C Ramai pemimpin menyokong British
- D British mengeluarkan surat pekeliling Bil 9

31 Dialog berikut mungkin berlaku pada tahun 1951.

| | |
|------------------|--|
| Dato' Onn Jaafar | : Saya cadangkan Sistem Ahli dibentuk |
| Sir Henry Gurney | : Kita boleh menggunakan model negara Kenya dan Rhodesia |

Mengapakah British bersetuju melaksanakan sistem tersebut?

- A Mengurangkan penentangan orang Melayu
- B Menjayakan dasar neokolonialisasi British
- C Membantu meningkatkan penguasaan ekonomi
- D Mengurangkan pengaruh Parti Komunis Malaya

32 Jadual berikut menunjukkan perubahan sistem pentadbiran di Tanah Melayu.

| Tahun | Sistem |
|-------|----------------|
| 1951 | Sistem Ahli |
| 1955 | Sistem Kabinet |

Apakah sebab berlaku perubahan tersebut?

- A Kejayaan Pakatan Murni
 - B Kemenangan Parti Perikatan
 - C Pembentukan Suruhanjaya Reid
 - D Perubahan dasar pentadbiran British
- 33** Mengapa Tunku Abdul Rahman mengemukakan idea pembentukan Malaysia pada tahun 1961?
- A Mencapai kemerdekaan
 - B Mewujudkan perpaduan kaum
 - C Menyaingi pengaruh Indonesia
 - D Membanteras pengaruh komunis
- 34** Mengikut perlembagaan Malaysia, siapakah yang boleh dilucutkan kerakyatannya sebagai warganegara?
- A Berkhidmat dengan negara asing
 - B Mempunyai kerakyatan negara asing
 - C Berkahwin dengan warganegara asing
 - D Menetap lebih 10 tahun di negara asing

[Lihat halaman sebelah

35 Kedua-dua parti berikut menentang gagasan Malaysia

- Parti Komunis Indonesia (PKI)
- Parti Rakyat Brunei (PRB)

Mengapakah mereka bertindak demikian?

- A Menganggap sebagai neokolonialisme
- B Menentang campur tangan kuasa British
- C Menyekat penyebaran ideologi Komunis
- D Mewujudkan Persekutuan Borneo


36 Pernyataan berikut adalah bidang kuasa Yang di-Pertuan Agong.

Mengisyiharkan Undang-undang X

Bilakah undang- undang tersebut dikuatkuasakan?

- A Perebutan kuasa raja
- B Kemelesetan ekonomi
- C Keselamatan negara terancam
- D Perbalahan antara parti politik

37 Lagu berikut telah dipilih menjadi lagu kebangsaan negara Malaysia.



Mengapa lagu tersebut dipilih?

- A Mempunyai unsur kemelayuan
- B Mempunyai irama yang menarik
- C Mudah dinyanyikan
- D Mudah difahami

38 Apakah persamaan matlamat penubuhan jawatankuasa berikut di Tanah Melayu?

- | |
|---|
| <ul style="list-style-type: none"> • Penyata Razak 1956 • Laporan Rahman Talib 1960 |
|---|

- A Mengatasi masalah kecinciran
- B Melahirkan falsafah pendidikan
- C Mewujudkan perpaduan kaum
- D Mewujudkan sekolah pelbagai aliran

39 Apakah kesan semerta peristiwa berikut kepada Eropah ?

| Peristiwa |
|---|
| Pembunuhan Archduke Franz Ferdinand, pewaris takhta Austria-Hungary oleh seorang pengganas Serbia pada 28 Jun 1914. |

- A Pembentukan Liga Bangsa
- B Terbentuk dua pakatan kuasa
- C Austria-Hungary menyerang Serbia
- D Berlakunya Perang Dunia Pertama

[Lihat halaman sebelah

40 Mengapa Malaysia mengambil pendirian tersebut?

Malaysia tidak pernah mengadakan hubungan diplomatik dengan negara Israel

- A Menentang negara Arab
- B Menindas rakyat Palestin
- C Menguasai ekonomi Islam
- D Mengamalkan dasar Apartheid

KERTAS SOALAN TAMAT